

# SEJARAH SYIAH

## PENDAHULUAN

Isu Syiah adalah isu lama yang berlegar dalam pemikiran Umat Islam dan sejarah telah mencatatkan pengalaman pahit ummat islam berhadapan dengan mereka.

Mengikuti sebahagian ulamak gerakan atau firqah Syi'ah ini bermula sekitar tahun 30 H yang lampau dengan pengasasnya seorang Yahudi yang berasal dari San'a iaitu Abdullah bin Saba' atau dikenali juga dengan Ibnu al-Sauda'.

Tokoh Yahudi ini telah berjaya meracuni pemikiran umat islam yang baru memeluk islam dan kurang berpengetahuan serta mereka berada jauh dari kerajaan islam Madinah pada waktu itu. Kejayaan pertama gerakan Syi'ah adalah dengan terbunuhnya khalifah islam yang ketiga, menantu Rasulullah saw iaitu Saidina Othman Ibnu 'Affan r.a.

Kemudian Saidina Ali dilantik menjadi Khalifah ar Rasyidin yang keempat, seterusnya berlaku krisis peperangan Jamal antara Saidina Ali dengan Saidatina Aisyah dan berlaku pula peperangan Siffin antara Saidina Ali dengan Muawiyah. Penyebab tercetusnya dua peperangan ini adalah hasil dari adu domba dan gerakan provokasi oleh talibarut Yahudi iaitu Abdullah bin Saba'.

Berlaku majlis Tahkim, Saidina Ali dibunuh oleh Abdul Rahman Ibn Muljim, Saidina Hasan dilantik menjadi khalifah, kemudian beliau menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyah dan berlakulah penyatuan di kalangan umat Islam pada ketika itu sehingga tahun berkenaan dikenali dalam sejarah islam sebagai 'Aamul Jamaah' iaitu tahun perpaduan.

Kemudian Saidina Husein dibunuh oleh puak Syiah di Karbala' tetapi yang dituduh adalah Khalifah Yazid, selepas itu berlaku pula pemberontakan dari al-Mukhtar bin Abu Ubaid as-Thaqafi. Selepas itu lahirlah ramai kelompok Syiah seperti Syiah Imamiyyah, Syiah Bani Buwaih, Syiah Qaramitah, Syiah Abidiyyah, Syiah Fatimiyyah, Syiah Safawiyyah dan akhirnya lahir Ayatullah Khomenei yang mencetuskan revolusi Syi'ah Iran pada 1979 M.

Kesemua puak-puak syiah ini berpegang kepada konsep al Imamah, mentakfir para sahabat radhum, al-Quran tidak sempurna dan akidah raj'ah. Mereka hanya berbeza pada siapa yang menjadi Imam dan siapa yang dikata al- Qaim Imam al Mahdi al Muntazar. Kemelut ini terus berlarutan sehingga kini dan tidak nampak noktah penyelesaiannya dan yang lebih memburukkan keadaan, musuh-musuh Islam dari kelompok lain menjadikan Syiah sebagai senjata yang ampuh untuk menghancurkan Islam dari dalam dengan mempromosikan Syi'ah sebagai salah satu mazhab dalam islam.

Melalui kronologi ringkas ini, ingin saya memperingatkan kita dengan hadith Nabi saw :

عن أبي هريرة، عن النبي صلى الله عليه وسلم- أنه قال: "لا يَدْخُ المؤمنُ من جُحْرٍ واحدٍ مرَّتَيْنِ"

Maksudnya: Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a yang diambilnya dari Nabi saw bahawa Baginda telah bersabda: Mu'min yang sebenar tidak akan dipatuk pada lubang yang sama dua kali.

## DEFINISI SYIAH

Definisi Syiah berkembang mengikut fasa perkembangan akidah Syiah itu sendiri. Ini kerana akidah dan pegangan Syiah sentiasa berubah dan berkembang mengikut peredaran masa. Generasi awal Syiah tidak sama dengan generasi yang berikut dan begitulah seterusnya. Generasi Syi'ah yang awal, dinamakan Syi'ah kerana mereka beranggapan Syaidina Ali r.a lebih utama dari Saidina Othman r.a. Jadi perkataan syi'ie (شيعي) bermaksud orang-orang yang memberi keutamaan kepada Syaidina Ali r.a lebih daripada Syaidina Othman r.a, ada pun perkataan Othmani (عثماني) bermaksud orang-orang yang memberi keutamaan kepada Saidina Othman r.a lebih daripada Syaidina Ali r.a.

Sekali pun dipanggil Syiah mereka termasuk ahli sunnah wal jamaah kerana isu Othman r.a dan Ali r.a bukan perkara usul yang menyesatkan pandangan yang berlawanan. Perbezaan mereka hanya dari sudut ijihad politik, tokoh manakah yang akan mereka sokong sebagai pemimpin umat pada ketika itu.

Imam Az Zahabi berkata "Syiah yang eksterim pada zaman salaf dikenali, kerana mereka mencerca, memaki hamun dan mengkafirkan Syaidina Othman r.a, Az-Zubair, Talhah, Muawiyah dan sesiapa yang tidak sependapat dengan Syaidina Ali r.a. Syiah yang eksterim zaman sekarang dikenali kerana mereka mengkafirkan para sahabat rdhm dan memutuskan hubungan kasih sayang dengan Saidina Abu Bakar r.a dan Saidina Omar al Khattab r.a".<sup>1</sup>

Justeru, pengertian Syiah berkembang mengikut perubahan fasa dan zaman. Begitu juga mereka berpecah berbagai kumpulan dan puak kerana perbezaan imam-imam. Hakikatnya Syiah bukanlah pengikut Ali r.a. Mereka hanya mendakwa sebagai pengikut Ali tetapi merekalah yang menentang dan membunuh Ali. Para Ilmuan Islam menamakan mereka Ar-Rafidhah yang membawa maksud mereka yang menisbahkan diri mereka sebagai pengikut Ali.<sup>2</sup>

Seorang tokoh Syiah dari Kufah yang bernama Abu Ishak as Sobi'ie berkata: "Syiah Kufah adalah 'Alawiyin' (pengikut Ali). Golongan ini pada asalnya hanya melebihi Syaidina Ali ke atas Saidina Othman bin Affan. Sejak generasi pertama lagi sudah ada golongan pelampau dari kalangan pengikut Syiah. Mereka telah memburukkan orang-orang yang dikatakan oleh mereka sebagai penentang Ali seperti Othman, Az Zubair, Talhah, Muawiyah, Aisyah dan para sahabat yang lain".

---

<sup>1</sup> Az Zahabi-Mizan al l'tidal

<sup>2</sup> Minhaj As Sunnah (2/106)

Perkataan Syi'ah dari sudut bahasa Arab bermakna pengikut atau pendokong seseorang. Bilamana dikatakan kepada seseorang “si fulan adalah Syi'ah si fulan” ia bermaksud orang yang mendokong atau mengikuti kehendak si fulan. Di dalam ilmu sorof perkataan Syi'ah bila mana dibentuk daripada bab “mufaa'alah” iaitu “syaya'a musyaya'atan” bermakna saling memberikan ketaatan, menguatkan dan mengikuti. Di dalam Tajul 'Arus syarah kepada al-Kamus pengarangnya berkata, “Setiap golongan yang bersepakat di atas sesuatu perkara maka mereka adalah Syi'ah, setiap orang yang membela orang lain dan menjadi pengikutnya maka dia adalah Syi'ah”.<sup>3</sup>

Contoh penggunaan perkataan Syi'ah dari sudut bahasa dalam al-Quran:

1- Surah al-Qashash ayat 15.

وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَى حِينٍ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَذَا مِنْ شِيعَةِ وَهَذَا مِنْ عَدُوِّهِ فَاسْتَعَاثَهُ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَى فَقَضَى عَلَيْهِ قَالَ هَذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ

Bermaksud: Dan masuklah dia ke bandar (Mesir) dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ dua orang lelaki sedang berkelahi, seorang dari golongannya (pengikut Bani Israel) sendiri dan yang seorang lagi dari pihak musuhnya (pengikut Fir'aun). Maka orang yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang yang dari pihak musuhnya; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: Ini adalah dari kerja Syaitan, sesungguhnya Syaitan itu musuh yang menyesatkan, yang nyata (angkaranya).

2- Surah as-Shaaffaat ayat 83.

وَإِنَّ مِنْ شِيعَتِهِ لِإِبْرَاهِيمَ

Bermaksud: Dan sesungguhnya Nabi Ibrahim benar-benar termasuk di dalam golongannya (pengikut ajaran Nabi Nuh).

3- Surah Maryam ayat 69.

ثُمَّ لَنَنْزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا

Bermaksud: Sesudah itu, sesungguhnya Kami akan tarik dari tiap-tiap golongan (pengikut kepada sesuatu ikutan), siapa di antara mereka yang sangat durhaka kepada (Allah) Ar-Rahman.

Perkataan Syi'ah digunakan di zaman permulaan awal Islam untuk maknanya yang asal dan berterusan selepas kesyahidan Sayyidina Osman r.a. iaitu pada zaman pemerintahan khalifah keempat umat Islam iaitu Sayyidina Ali r.a. Dikatakan kepada pengikut Sayyidina Ali r.a. sebagai Syi'ah Ali dan pengikut Sayyidina Mu'awiyah r.a. sebagai Syi'ah Mu'awiyah. Oleh kerana perbezaan pendapat di kalangan mereka berasaskan politik dan bukannya akidah maka gelaran tersebut hilang dengan sendirinya dan perpecahan tersebut

<sup>3</sup> Taj al-'Arus jil. 5 hal. 405

tidak berlarutan. Perkara ini diakui sendiri oleh Sayyidina Ali r.a. di dalam kenyataannya berkenaan perselisihan yang terjadi antaranya dengan Sayyidina Mu'awiyah r.a. di medan Siffin sebagaimana yang dicatatkan dalam kitab Syi'ah:

كان بدء امرنا انا التقينا والقوم من اهل الشام، والظاهر ان ربنا واحد، ونبينا واحد، ودعوتنا في الاسلام واحد، ولا نستزيدهم في الاسلام بالله والتصديق برسوله، ولا يستزيدوننا، الامر واحد الا ما اختلفنا فيه من دم عثمان، ونحن منه براء

Bermaksud: Telah terjadi pertempuran antara kita dengan Ahli Syam (Mu'awiyah dan pengikutnya) sedangkan yang jelas Tuhan kami adalah satu, nabi kami adalah satu, seruan kami di dalam Islam adalah satu. Kita tidak melebihi mereka di dalam tunduk (beriman) kepada Allah dan membenarkan Rasul-Nya dan mereka juga tidak melebihi kita. Persoalannya adalah satu sahaja iaitu kita berselisih pendapat tentang darah Uthman r.a. sedangkan kita tidak terlibat dalam pembunuhannya.<sup>4</sup>

Seterusnya perkataan Syi'ah menjadi satu istilah kepada golongan yang mendakwa sebagai pengikut Ali r.a. dan anak cucunya serta mempunyai aqidah-aqidah tertentu. Ibnul Athir menyebutkan di dalam kitabnya:

وأصل الشيعة الفرقة من الناس تقع على الواحد والاثنين والجمع والمذكر والمؤنث بلفظ واحد ومعنى واحد . وقد غلب هذا الاسم على كل من يزعم أنه يتولى علياً رضي الله عنه وأهل بيته حتى صار لهم اسماً خاصاً فإذا قيل فلان من الشيعة عُرف أنه منهم

Maksudnya: “Asal perkataan Syi'ah adalah bermakna satu golongan manusia. Ia diungkapkan untuk seorang, dua orang atau lebih. Penggunaannya juga adalah untuk lelaki dan perempuan dengan lafaz dan makna yang sama. Perkataan ini seterusnya menjadi satu nama khusus kepada golongan yang mendakwa pengikut Sayyidina Ali r.a. dan anak cucunya sehingga bila mana dikatakan “orang itu adalah Syi'ah” maka bermakna ia tergolong dari kalangan mereka”.<sup>5</sup>

Penggunaan kalimah Syi'ah secara istilah tersebut bermula pada zaman Sayyidina Osman r.a. bahkan mengikut sebahagian ulamak ianya bermula pada zaman Sayyidina Omar r.a. lagi iaitu apabila ibukota Farsi, al-Madain jatuh ketangan umat Islam. Bermula dari saat ini maka kebencian terhadap golongan sahabat r.a. mula meluap-luap di kalangan masyarakat Majusi dan Yahudi. Mereka mula merangka perancangan untuk menjatuhkan kerajaan Islam. Di kala itu muncullah seorang yang diberi gelaran Abu Lu'luah. Beliau telah bersekongkol dengan al-Humazan dan telah telah menyelinap masuk di tengah-tengah masyarakat umat Islam lalu memperolehi peluang untuk membunuh Khalifah kedua umat Islam. Kerana itulah tidak menjadi suatu yang pelik bila penganut Syi'ah telah memberikan gelaran yang begitu tinggi terhadap beliau dengan gelaran “Baba 'Alaauddin” atau “Baba Syuja'uddin” yang bermaksud “wira agama”. Bahkan sebagai tanda kegembiraan terhadap pembunuhan Sayyidina Omar r.a. ini maka seorang tokoh Syi'ah yang bernama al-Ahwas Ahmad bin Ishak al-Qummi telah mencipta satu perayaan yang dikenali sebagai perayaan

<sup>4</sup>Nahj al-Balaghah hal. 448

<sup>5</sup> An-Nihayah fi Gharib al-Athar jil. 2 hal. 244

Baba Syuja'uddin dan perayaan tersebut telah disambut dengan penuh kemeriahan oleh penganut Syi'ah sehingga kini.<sup>6</sup>

---

<sup>6</sup> Mukaddimah Mukhtasar Tuhfah Ithna 'Asyariyyah, Syah Abdul Aziz